



Pencapaian Cemerlang UPM Diiktiraf Antarabangsa-Tan Sri Nayan



Pro Canselor, Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin menyampaikan ijazah kepada graduan pada Majlis Konvokesyen UPM ke-33 sesi 2 semalam.

SERDANG, 9 Ogos – Semua pengiktirafan terhadap Universiti Putra Malaysia (UPM) memperlihatkan kewibawaan universiti untuk meneroka potensi dan bidang baru pada tahap yang lebih mendalam seterusnya membuktikan kemampuan UPM muncul sebagai destinasi pendidikan dan penyelidikan antarabangsa.

Pro-Canselor UPM, Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin berkata bukti kewibawaan UPM telah ditonjolkan melalui kejayaan dalam bidang akademik, penyelidikan mahupun kokurikulum oleh warga UPM sendiri.

"Antara kejayaan yang membanggakan adalah kejayaan Dr. M. Iqbal Saripan yang mencipta komponen baharu dalam pengimejan perubatan nuklear, iaitu Pengkolimat Jaringan Wayar yang boleh meningkatkan sensitiviti mesin sedia ada untuk mengesan sel kanser pada peringkat lebih awal dan ini merupakan inovasi baru dalam bidang perubatan kanser," katanya ketika memberi ucapan dan menyampaikan Ijazah Doktor Falsafah GSM, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma kepada 855 graduan di Majlis Konvokesyen Ke-33 UPM pada sesi tiga di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM.

Beliau berkata kejayaan lain adalah Pengarah Institut Penyelidikan Halal UPM, Prof. Dr. Yaakob Che Man yang telah diiktiraf sebagai saintis pertama menerima Anugerah Saintis Halal di 'World Halal Research Summit 2009' dan kejayaan Kumpulan Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan Perladangan Persis (PREFERD) UPM yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff mencipta perisian Sistem Sokongan Keputusan Spatial.

Dr. Nayan berkata peserta tunggal negara, Mohd. Syamsul Salleh dari UPM telah berjaya mengharumkan nama Malaysia apabila menjadi juara pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Timbalan Perdana Menteri, kejayaan dua atlet UPM membolot anugerah sukan Olahragawan dan Olahragawati Majlis Sukan Universiti Malaysia pada tahun lepas, iaitu Mohd Robani Hassan dan Roslinda Samsu serta atlet memanah UPM yang turut memenangi Anugerah Khas MASUM dan kejayaan UPM muncul johan pada Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam merupakan kejayaan yang mendokong kewibawaan UPM di persada kecemerlangan.

"UPM merupakan institusi rujukan komuniti akademik, agensi kerajaan dan swasta berdasarkan latar belakang kejayaan UPM yang telah diperolehi dari semasa ke semasa sama ada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa," katanya.

Beliau turut memuji inisiatif UPM menganjurkan Persidangan Pemikiran Antarabangsa Kali Ke-14 yang telah menghimpunkan lebih 250 pemakalah yang terdiri daripada pemikir, aktivis dan individu berminda inovatif, kreatif dan kritis dari seluruh pelusok dunia.

"Kehadiran tokoh-tokoh pemikir seperti Edward De Bono, Tony Buzan, Howard Gardner dan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membantu usaha UPM untuk merealisasikan pemikiran inovatif, amalan dan pertimbangan yang terbaik serta praktikal dalam setiap aspek kehidupan untuk menggemilangkan kehidupan masyarakat serta memajukan ekonomi negara.

"Saya berharap usaha murni ini dapat diteruskan dan berupaya diterjemahkan secara praktikal oleh para graduan dan alumni UPM kerana kejayaan persidangan tersebut turut diakui oleh Jawatankuasa Antarabangsa Persidangan. Justeru, saya sangat berharap kejayaan ini tidak disia-siakan," katanya.

Pada sesi kedua (petang) tersebut Dr.Nayan turut menyampaikan anugerah Profesor Emeritus kepada Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie Bardaie yang telah banyak menabur bakti kepada UPM dan negara terutamanya sebagai Naib Canselor UPM sebelum ini.



Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie Bardaie menerima anugerah Profesor Emeritus daripada Tan Sri Dato' Dr. Nayan di UPM.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia